



## GSM Anjur Syarahan Umum Dr. Philip Kotler



Syarahan Prof. Dr. Philip Kotler mendapat sambutan daripada 500 peserta

**KUALA LUMPUR, 29 Mei**– Graduate School Of Management (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjur syarahan umum Prof. Dr. Philip Kotler bertajuk The Future of Marketing untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ekonomi dan pemasaran dunia baru-baru ini.

Prof. Kotler menyampaikan syarahan di hadapan 500 peserta mengenai hala tuju dan halangan pengurusan pemasaran dunia supaya perniagaan mengalami perubahan seiring dengan peredaran masa agar dapat bertahan seperti menggunakan teknologi internet facebook yang membantu peniaga mengiklankan produk mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata kumpulan sasaran tempatan atau etnik amat penting dalam pemasaran kerana ia merupakan salah satu strategi pemasaran untuk masa depan pemasaran dunia dengan memberi contoh produk McDonald kurang mendapat sambutan penduduk di Filipina berbanding produk makanan segera tempatan yang lebih menepati citarasa golongan Asia.

"Oleh kerana pelanggan merupakan aset sesebuah perniagaan, pandangan mereka harus dijadikan inspirasi strategi pengeluaran barangan dan perkhidmatan kerana kuasa di tangan pengguna," katanya.

Beliau berkata jika sesebuah perniagaan tidak mengalami perubahan dalam jangka masa lima tahun, maka strategi perniagaan tersebut tidak sesuai.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata program syarahan tersebut menyediakan peluang kepada masyarakat umum, terutamanya para akademik dan pelajar dari institut pengajian tinggi (IPT) berkongsi pengalaman Prof. Kotler dalam bidang pemasaran antarabangsa.

"Syarahan ini merupakan platform kepada peserta yang terdiri daripada para akademik, penyelidik, pelajar dan profesional dalam bidang pemasaran untuk berkongsi pengalaman, meningkatkan kefahaman dan menambahbaik pengetahuan yang berkaitan dengan isu pemasaran.

Pada akhir majlis, GSM menganugerahkan hadiah pelajar UPM terbaik program BBA (Marketing) Award, Tan Sao Thin; GSM Best MBA Project Paper (Marketing) Award, Dayang Haryani; GSM Best MBA Case Study (Marketing) Award, Wong Sheau Wei dan GSM Best MBA (Marketing) Award, Norazlyn Kamal Basha yang disampaikan oleh Prof. Kotler diringi Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha.

Kotler yang kini merupakan penasihat kepada penasihat Akademik Antarabangsa GSM pernah menghasilkan buku best seller bertajuk Marketing Management terbitan 1967 yang telah diulang cetak lebih daripada 12 edisi.

GSM ditubuhkan pada 1997 merupakan institut pakar yang menawarkan pendidikan dan latihan pengurusan perniagaan kepada pelajar pasca siswazah melalui pelbagai program pembangunan eksekutif untuk semua tahap pengurusan dan telah melahirkan lebih 3,000 graduan.

Kemuncak pengiktirafan yang dicapainya ialah disenaraikan sebagai salah satu Best MBA Schools di Asia oleh majalah Asiaweek dan dipilih sebagai Top Business School Malaysia serta disenarai tempat ketujuh Sekolah MBA Terbaik Asia Tenggara oleh majalah Asia Inc.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tiga dari kiri), Prof. Kotler dan Dekan GSM Prof. Dr. Samsinar Md. Sidin (tiga dari kanan) bersama empat pelajar terbaik MBA GSM

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat.